



RAJA GULA 2 NEGARA

■ MSM buka kilang baru pada 2017 sasar kuasai pasaran di Malaysia, Singapura



SHEIKH Awab (tengah) pada mesyuarat agung tahunan MSM, semalam.

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menyasarkan untuk menguasai pasaran gula pertengahan bagi Singapura dan kekal menjadi peneraju di Malaysia melalui pembukaan kilang penapisan gula terbaru di Tanjung Langsat, Johor yang dijangka beroperasi menjelang pertengahan 2017.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, pembinaan kilang itu akan menjadi faktor utama bagi pertumbuhan pasaran di masa depan dengan

sasaran kapasiti pengeluaran 3.25 juta tan setahun berbanding 1.1 juta tan pada masa ini.

"Kami yakin mampu menguasai pasaran di kedua-dua negara itu menjelang 2018 dengan pembinaan kilang baru ini akan bermula Ogos tahun ini sebelum siap dalam tempoh 20 hingga 22 bulan akan datang," katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan MSM di sini, semalam.

MSM menguasai 64 peratus pasaran gula pertengahan

di Malaysia bagi suku pertama tahun ini berbanding 57 peratus bagi tempoh masa sama tahun lalu dan syarikat ini turut menguasai 18 hingga 20 peratus di Singapura pada masa ini.

Beliau berkata, MSM berhasrat mempelbagaikan perniagaannya terutama dalam segmen huluhan menjelang separuh pertama tahun depan bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada segmen pertengahan pada masa ini.

Menurutnya, segmen huluhan dan hiliran dijangka menyumbang 30 peratus kepada keuntungan syarikat

manakala segmen pertengahan 40 peratus pada masa akan datang.

"Untuk segmen pasaran huluhan, kami mengadakan perbincangan lanjut bersama dua syarikat berpangkalan di Indonesia selain berhasrat membabitkan diri dalam setiap syarikat berasaskan gula sama ada tempatan dan antarabangsa bagi segmen hiliran.

"Kami tidak mahu berada dalam keadaan selesa dan merancang beberapa pelan pada tahun ini dan tahun depan bagi mempelbagaikan sumber pendapatan serta memastikan pertumbuhan perniagaan kekal kukuh pada masa hadapan," katanya.

FAKTA
MSM sasar kapasiti pengeluaran gula 3.25 juta tan setahun